

# Budaya penyelenggaraan masih rendah



**NOOR MOHAMAD  
SHAKIL HAMEED**

**B**EBERAPA siri kejadian kanak-kanak mengalami kecederaan akibat tersepit di eskalator mula menarik perhatian dan pada masa sama merisaukan orang ramai. Antara kejadian terbaru yang menyayat hati, adalah melibatkan seorang budak lelaki berusia empat tahun yang putus sebahagian pergelangan kaki kirinya akibat tersepit di eskalator KL Sentral. Gambar kejadian yang menjadi viral dalam media sosial menunjukkan betapa perit dan sakitnya situasi yang dilalui oleh kanak-kanak malang itu.

Dalam konteks ini pelbagai teori dan pandangan dikemukakan sebagai punca kepada kejadian sebegini antaranya, ada pihak yang menyalahkan ibu bapa kerana dikatakan cuai menjaga keselamatan anak mereka, di samping itu ada juga yang mengaitkan dengan jenis kasut yang dipakai di mana pemakaian kasut getah yang lembut dikatakan kurang sesuai dan boleh membahayakan pengguna ketika berada di atas eskalator. Mungkin ada kebenaran di sebalik pandangan itu, namun secara umumnya bagi penulis keadaan eskalator itu sendiri wajar diberi perhatian sebagai penyumbang utama kepada kejadian tersebut.

Maksud keadaan eskalator di sini adalah sejauh mana ia selamat untuk digunakan tidak kira kanak-kanak maupun dewasa. Kita percaya kebanyakan eskalator di negara ini adalah selamat dan mematuhi spesifikasi dan kod reka bentuk yang ditetapkan oleh pihak berkuala pada ketika ia dipasang.

Namun persoalannya, adakah ia diselenggara secara berterusan mengikut rutin dan jadual penyelenggaraan yang berkala bagi memastikan ia kekal selamat. Walaupun selamat ketika dipasang, ia boleh memberikan ancaman kepada keselamatan pengguna andai pemilik premis gagal melaksanakan penyelenggaraan secara berkala.

Penulis percaya masyarakat kita secara umumnya masih terlalu ambil mudah keperluan untuk menghayati budaya penyelenggaraan. Sudah acap kali kita dide dahukan dengan pelbagai rungutan dan aduan daripada masyarakat berkaitan isu kelemahan penyelenggaraan. Misalnya, kegagalan pihak pemaju perumahan menyelenggara lif di



Lif untuk kegunaan awam yang rosak di Kompleks Mahkamah Petaling Jaya, baru-baru ini. - GAMBAR HIASAN

beberapa pangaspuri di seluruh negara yang menyusahkan penduduk di situ. Malah dalam laporan Ketua Audit Negara juga sering ditegur isu kelemahan budaya penyelenggaraan di sektor awam di mana asset dan fasiliti milik kerajaan dilihat masih kurang diberi perhatian terhadap aspek penyelenggaraan.

Akibatnya setiap tahun kerajaan terpaksa mengeluarkan belanja yang banyak untuk membaiki kemudahan yang rosak disebabkan kecuaian manusia yang gagal untuk melaksanakan penyelenggaraan secara berkala. Apakah kita lupa beberapa kejadian di bangunan kerajaan sebelum ini yang turut boleh membahayakan pengguna seperti keruntuhan siling di pejabat dan juga hospital kerajaan?

Apa yang lebih mengecewakan ia kadangkala membabitkan bangunan yang baru dibina ataupun aset yang baru dibeli dengan kos yang tinggi. Sekali lagi di mana silapnya kalau bukan kegagalan menjaga dan menyelenggara segala aset dan bangunan terbit?

Apa yang berlaku sekarang adalah seolah-olah kita hanya tahu membina bangunan pencakar langit ataupun membeli dan menyediakan pelbagai kemudahan yang sofistikated tetapi tidak mahu beri perhatian ataupun tidak mempunyai kepakaran untuk menyelenggara sehingga mengakibatkan kebo-

coran, keruntuhan dan keretakan di sana sini.

Realitinya pada hari ini apabila berlaku sesuatu insiden seperti kes kecederaan kanak-kanak di eskalator barulah kita kelam kabut dan mahu melakukan itu dan ini. Kenapa kita hanya suka bertindak selepas nasi menjadi bubur? Perkara ini sebenarnya cukup menyediakan kerana sudah mula membabitkan aspek keselamatan diri dan nyawa pengguna. Justeru apa yang penting, kita perlu membudayakan keperluan untuk melaksanakan penyelenggaraan secara berkala.

Ringkasnya, kita perlu menyburkan budaya penyelenggaraan. Dalam hal ini isu yang sering ditimbulkan adalah masalah kekangan bajet untuk melaksanakan penyelenggaraan. Ini dijadikan alasan untuk tidak melaksanakan penyelenggaraan secara berkala walaupun sedar ianya satu keperluan dan boleh membahayakan kelak.

Betul, adakalanya kos penyelenggaraan agak tinggi terutamanya jika membabitkan peralatan ataupun teknologi yang canggih namun percayalah ia boleh membantu menjimatkan kos dalam jangka masa yang panjang. Hal ini kerana kegagalan melaksanakan penyelenggaraan secara berjadual ataupun secara kerap boleh membawa kepada kerosakan dan kemudarat yang lebih besar yang akhirnya akan menelan kos lebih tinggi berbanding kos asal penyelenggaraan tadi. Jadi dalam situasi ini kita perlu bijak bertindak. Semua pihak yang terbabit perlu peka dan memberi keutamaan kepada aspek penyelenggaraan tanpa kompromi terhadap keselamatan orang lain.

Dalam kes jabatan kerajaan misalnya, setiap penjawat awam terutamanya ketua-ketua jabatan perlu memberi perhatian yang khusus dalam aspek penjagaan dan penyelenggaraan semua aset kerajaan sama seperti menjaga dan menyelenggara peralatan milik sendiri yang dibeli menggunakan wang poket masing-masing.

Janganlah kerana disebabkan pembelian peralatan ini tidak melibatkan duit sendiri dan datangnya dari pihak kerajaan maka kita sewenang-sewenangnya mengabaikan tanggungjawab untuk menjaganya ataupun dalam lain perkataan kita mengambil sikap acuh tak acuh.

Hakikatnya, setiap peralatan yang kita guna pakai andai dijaga dan diselenggara dengan baik secara berkala maka jangka hayatnya pasti bertahan lama dan tidak perlu membeli peralatan baru dengan kerap. Untuk itu, jabatan kerajaan perlu ada pelan dan jadual penyelenggaraan yang komprehensif dan menyeluruh supaya penyelenggaraan dapat dilakukan secara berkala. Dalam hal ini pematuhan kepada jadual yang dibuat itu juga cukup penting, janganlah hanya ada jadual tetapi tidak diikuti.

Pada masa sama kita juga berharap agar pihak berkuala seperti Jabatan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan (JKKP) dapat melaksanakan operasi pemantauan secara kerap bagi memastikan semua bangunan maupun kemudahan awam terutamanya yang berisiko tinggi dijaga dan diselenggara dengan baik demi keselamatan pekerja dan rakyat secara keseluruhannya. Seboleh-bolehnya, elakkan juga budaya bertindak selepas sesuatu kejadian itu berlaku.

Percayalah pemantauan secara berterusan boleh menyedarkan dan mengingatkan semua pihak tentang tanggungjawab dan keperluan untuk melaksanakan penyelenggaraan secara berjadual. Dalam pada itu, pihak berkuala juga wajar memikirkan pendekatan sesuai untuk mendidik masyarakat tentang kepentingan budaya penyelenggaraan secara keseluruhannya.

**PENULIS** ialah Ketua Bahagian Hal Ehwal Pelajar Universiti Putra Malaysia.